

27/12/1999

Mangsa ombak besar dapat bantuan

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Ahad - Kerajaan negeri akan mengeluarkan peruntukan serta-merta kepada keluarga yang menghadapi masalah serta kesulitan ekoran kejadian ombak besar melanda penempatan mereka sejak beberapa hari lalu.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam berkata, bantuan itu membabitkan pelbagai aspek, termasuk peruntukan untuk memperbaiki sebarang kerosakan akibat kejadian itu.

"Sehingga kini, kerajaan negeri sudah mengeluarkan peruntukan RM300,000 kepada penduduk di beberapa kampung di Tawau untuk membina kawasan pejalan kaki serta bantuan kepada mangsa yang terbabit.

"Bantuan itu diberikan melalui peruntukan Kementerian Perhubungan dan Kerjaraya negeri selepas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Wilfred Bumburing, sendiri meninjau dan melihat suasana di sana," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) Kali Ke-13 di Wisma Muis di sini, hari ini.

Kejadian ombak besar dan kenaikan paras air laut luar biasa khususnya di kawasan pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak beberapa hari lalu, mengakibatkan kawasan pantai diancam hakisan selain ditenggelami air.

Di Sabah, beberapa rumah yang dibina di tepi pantai dan berhampiran laut rosak teruk, malah ada yang ranap, manakala berpuluh-puluh rumah lagi termasuk yang dibina di tebing sungai diancam bahaya hakisan kawasan tebing masing-masing.

Osu yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, kerajaan negeri sekarang sedang mendapatkan laporan mengenai kawasan yang dikenal pasti terbabit dan jumlah kerosakan yang dialami.

"Sebaik saja laporan lengkap diterima, kerajaan akan terus mengeluarkan bantuan yang perlu untuk meringankan beban keluarga yang menghadapi bencana itu.

"Kita akan mengeluarkan bantuan serta-merta yang mana boleh dibantu termasuk bantuan untuk mendirikan semula apa saja kerosakan yang berpunca daripada kejadian itu," katanya.

Sementara itu, mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai tertib berbahasa Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN), Osu berkata arahan Dr Mahathir itu bermaksud agar mereka yang digelar sebagai 'Yang Berhormat' agar dapat menjaga nama baik mereka.

Osu yang juga Pengerusi BN negeri, berkata ia turut meliputi penggunaan bahasa dalam Dewan Undangan Negeri iaitu menggalakkan mereka berbahas menggunakan Bahasa Kebangsaan.

"Di Sabah, peraturan DUN turut membenarkan penggunaan bahasa Inggeris, jadi terserahlah, tetapi adalah lebih elok bagi Adun menggunakan bahasa Malaysia kerana ia adalah bahasa kebangsaan," katanya.

(END)